

# SEJARAH PENUBUHAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



✍️ Alma Azizah Abdul Rahim

## Latar Belakang Penubuhan

Jabatan Hal Ehwai Pelajar dirintis dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 25 Julai 2002. Jabatan ini adalah satu jabatan yang penting dalam pentadbiran di kolej universiti dan ia beroperasi di kampus sementara yang terletak Taman JKKK Kubang Gajah, Arau yang kini adalah Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi dan menjadi hasrat dan tanggungjawab HEP untuk membantu dan berusaha mewujudkan suasana kondusif dan selesa bagi pembelajaran dan kehidupan kampus.

Pada masa itu, semua kakitangan perlu berkongsi peralatan dan di samping berkongsi pejabat dengan kakitangan dari jabatan lain. Dengan keadaan ruang yang sempit dan kemudahan peralatan yang terhad namun, ia dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Pada 20 Jun 2002, seramai 119 orang pelajar sulung telah mendaftarkan diri bagi sesi pertama akademik 2002/2003. Sebagai permulaan, KUKUM hanya menawarkan dua program ijazah kepada pelajar. Pada 31 Mei 2003, KUKUM telah menerima kemasukan kali kedua pelajar-pelajar baru seramai hampir 500 orang pelajar pelbagai jurusan pengajian. Manakala pada 2 November 2003 pula KUKUM telah menerima seramai 107 pelajar baru bagi sesi kemasukan November 2003/2004. Pada waktu itu, KUKUM telah mempunyai pelajar seramai 702 orang.

## Sejarah Pentadbiran

Sejak awal penubuhan, Jabatan Hal Ehwai Pelajar (HEP) diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir yang mengetuai pengurusan HEPA. Pada 16 Jun 2003, HEP diketuai oleh seorang Pemangku Dekan dan pada 1 Mac 2004, jawatan Dekan pertama dilantik. Sehingga sekarang 4 orang yang telah menabur bakti dan khidmat mereka di HEP masing-masing berusaha dengan gigih dan mendapat sokongan padu daripada staf sokongan dalam mencapai kecemerlangan. Di antara orang yang penting dan pernah meneraju HEP dan sedang berkhidmat di HEP adalah :

### Dekan

1. En. Abdul Aziz Mohd Najimudin  
- 1 Jun 2003 - 15 Jun 2003
2. Prof. Madya Shamsul Bahar Yaakob  
- 16 Jun 2003 (Pemangku Dekan)  
1 Mac 2004 - 28 Feb 2007 (Dekan)  
(Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2004)
3. En. Mohd Najmuddin Mohd Hassan  
- 1 Mac 2007 - 17 Ogos 2008  
(Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007)
4. En. Razli Ahmad  
- 18 Ogos 2008 hingga sekarang  
(Anugerah Pehidmatan Cemerlang 2006)

### Timbalan Dekan

1. En. Mohd Najmuddin Mohd Hassan  
- 1 Januari 2006 - 27 Februari 2007
2. En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah  
- 1 Mac 2007 hingga Sekarang  
(Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006)

Jabatan ini mempunyai beberapa unit yang beroperasi untuk mengendalikan pelbagai program secara berterusan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelajar. Unit-unit tersebut adalah :

1. Unit Pentadbiran
2. Unit Kebudayaan & Kesenian
3. Unit Sukan & Rekreasi
4. Unit Biasiswa & Pinjaman Pelajar
5. Unit Latihan & Pembangunan Pelajar
6. Unit Penempatan & Penginapan Pelajar

Pada masa itu, hanya ada beberapa orang pegawai dan kakitangan sokongan yang membantu dalam menjalankan urusan pentadbiran jabatan dan masing-masing terpaksa berkongsi kabin pada ketika itu. Namun, menjadi tanggungjawab semua untuk membangunkan sebuah kampus walaupun terpaksa mengharungi kepayahan dan kekurangan.

Tanggal 1 November 2007, Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah bermesyuarat dan meluluskan penukaran nama Jabatan Hal Ehwai Pelajar menjadi Hal Ehwai Pelajar Dan Alumni. Pada masa itu, Unit Sukan Dan Rekreasi berada di bawah Struktur Organisasi HEP dan pada 16 Februari Pusat Sukan secara rasminya menjadi Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis dan beroperasi di Kampus Kubang Gajah iaitu kampus lama Jabatan hal Ehwai Pelajar dan Alumni.

Jabatan Hal Ehwai Pelajar dan Alumni UniMAP telah membuka satu lembaran baru dengan perpindahan ke bangunan pejabat yang baru pada 15 Disember 2008 di Taman Bukit Kubu Jaya, Jalan Serawak, Kuala Perlis. Lokasi baru Jabatan Hal Ehwai Pelajar dan Alumni adalah strategik memandangkan ia berdekatan dengan kawasan penginapan pelajar iaitu Kolej Kediaman Kampung Wai, Kolej Kediaman Seberang Ramai dan Kolej Kediaman Taman Semarak.